

# **Perkembangan Ilmu Bahasa**

**Amat Juhari Moain  
Universiti Pertanian Malaysia**

## **Pendahuluan**

Ilmu bahasa bererti kajian secara saintifik terhadap bahasa. Nama lain bagi ilmu ini ialah linguistik. Dalam ilmu ini pemerian dibuat terhadap gejala-gejala bahasa secara objektif dan bersistem. Data-data yang diperolehi dari pemerian tadi dianalisis dan kemudian dijelaskan dalam hubungannya dengan sejarah; sosial dan psikologi (Wojowasito, 1976 : 15).

## **Sejarah Ilmu Bahasa**

Kajian terhadap bahasa dilakukan dari sejak zaman dahulu lagi. Kajian-kajian dibuat berdasarkan kehendak-kehendak yang wujud pada keadaan-keadaan yang tertentu. Oleh itu terdapat pendekatan, kaedah dan penekanan kajian yang berbeza-beza. Dalam rekod sejarah. Panini dianggap sebagai pelopor dalam kajian terhadap bahasa. Kajian itu muncul kerana dalam agama Hindu terdapat ketetapan bahawa isi kitab Vedda perlu dijaga ketetapan sebutannya, supaya ia tidak rosak dan/atau menyeleweng daripada yang asal. Dengan itu ia perlu dikaji secara ilmiah terutama dari segi lafaz atau sebutannya (Collinge, 1990).

Di Barat, tegasnya di Yunani kajian terhadap bahasa kerana pada masa itu telah berkembang ilmu falsafah yang memerlukan istilah-istilah dan konsep-konsep yang tertentu (ibid.). Pada masa itu timbul ahli-ahli falsafah yang membicarakan bahasa seperti Socrates (469-399 S.M.), Plato (429 - 348 S.M.) dan Aristoteles (384 - 322 S.M.). Dari sini timbul perbincangan-perbincangan tentang bahasa secara mantiq atau logik. Aristoteles sendiri telah membahagikan kata kepada tiga jenis iaitu tiga jenis iaitu *Nomen*, *Verbum* dan *Conjunctio*. Kemudian di samping itu diwujudkan pembahagian *genus* dan *casus*. Pada zaman Stoa

pembahagian kata menjadi lapan jenis, di samping lima perkara lain (genus, casus, numerus, modus dan pesona). Kemudian dalam Zaman Kerajaan Rom jenis-jenis kata menjadi sembilan. Akhir sekali pecahan itu menjadi 12 jenis iaitu pada zaman yang lebih terkemudian (Wojowasito, 1965, 1976).

Di luar Eropah terdapat juga kajian terhadap bahasa seperti di kalangan orang Yahudi untuk kajian terhadap kitab Taurat dan di kalangan orang Cina terdapat hasil kesusyeraan kuno Cina. Orang Arab dan Islam tidak ketinggalan dalam mengkaji bahasa Arab terutama bahasa yang digunakan dalam al-Quran dan al-Hadis. Bahasa al-Quran dikaji untuk menjaga keasliannya sama ada dari segi sebutan, makna mahupun teks tulisan al-Quran itu sendiri. Bagi ajaran Islam membaca ayat-ayat al-Quran mengikut sebutan yang asal adalah wajib hukumnya (Al-Quran, 73:4) dan bacaan al-Quran yang telah dilakukan dengan betul itu mendapat pahala. Kedua, bahasa al-Quran dan al-Hadis dikaji dengan teliti untuk mendapatkan makna yang tepat agar dapat dijalankan dan dihayati segala “al-Amr” yang makruf yang disuruh dan menjauhi segala “Al-Nahyi” yang munkar yang ditegah. Dengan itu dalam kajian terhadap bahasa Arab lahir pecahan-pecahan ilmu bahasa Arab seperti lughah, ilmu bayan, saraf, falsafah, balaghah, istiqaq, nahu badi’, ‘aruz, qafiyah, rasm’l-khat, qarzusy-syi’r, insya’u’n-nasr, muhazarah, ma’ani dan lain-lain. Dalam kajian untuk mendapatkan makna-makna yang tepat dalam al-Quran timbul ‘*Ulum al-Qur’an*’ yang banyak pecahannya. Bagi al-Hadis ada juga ilmu-ilmu yang mesti dipelajari iaitu ‘*Ulum al-Hadith*’ yang banyak cabangnya.

Kajian terhadap bahasa semakin berkembang dari semasa ke semasa, dan penelitian terhadap bahasa itu juga semakin bertambah kritis. Dalam zaman pertengahan iaitu semasa penyebaran agama Kristian ditingkatkan, para mubaligh Kristian cukup rajin mempelajari bahasa, bukan sahaja bahasa-bahasa agama yang mendukung kitab suci agama Kristian tetapi juga bahasa-bahasa lain yang bakal menjadi media untuk menyiarkan ajaran agama Kristian ke seluruh dunia dan juga untuk menterjemahkan kitab Bible dan Injil ke dalam bahasa-bahasa tersebut. Natijah daripada ini banyak bahasa yang dipelajari. Dalam masa mereka mempelajari bahasa-bahasa tersebut mereka menemui perkara-perkara baru yang berkaitan

baru tentang bahasa. Setiap perkara baru muncul itu pula dikaji dan didalami lagi sehingga akhirnya muncul ilmu-ilmu baru dalam bahasa. Dalam abad ke-16 dan ke-17 kajian-kajian tadi semakin menanjak dan gencar, apa lagi pada ketika itu telah muncul zaman *Renaissance* dan *Humanisme*. Di situ kongkongan terhadap pemikiran seseorang diketepikan dan sebaliknya diberi kebebasan yang luas dan tanpa batas. Keadaan ini berlanjutan hingga ke abad ke-18 dan ke-19. Pada masa itu muncul pengkaji-pengkaji bahasa yang terkenal yang mencatat nama dalam sejarah kajian bahasa. Contohnya ialah Sir William Jones (1746 - 1799 M.), Friedrich von Schlegel (1772-1829 M.), Franz Bopp (1791-1867 M.), Rasmus Kristian Rask (1787-1832 M.), Jacob Grimm (1785-1863 M.), Wilhelm von Humboldt (1767-1835 M.), August Schleicher (1821-1868 M.), Georg Curtius (1820-1885 M.), Karl Verner (1846-1896 M.), Max Muller (1823-1900 M.) dan William Dwight Whitney (1827-1894 M.). Setelah itu muncul aliran baru yang bernama Neogrammatici, atau Junggrammatiker atau Aliran Leipzig. Aliran ini diketuai oleh Karl Brugmann (1849-1919) dengan dibantu oleh Hermann Osthoff (1847-1909 M.) dan Berthold Delbruck (1842-1922 M.), selain itu muncul juga ahli-ahli bahasa yang lain seperti August Fick (1833-1916 M.), Michel Breal (1832-1916 M.), Ferdinand de Saussure (1857-1913 M.), Hendrik Kern (1933-1917 M.), dan lain-lain. Antara mereka ini yang paling terkenal ialah de Saussure dengan bukunya yang berjudul *Cours de linguistique generale* (Otto Jespersen, 1964). Kemudian daripada itu timbul ahli-ahli ilmu bahasa moden yang terkenal seperti Leonard Bloomfield (1887-1949 M.), Edward Sapir (1884-1939 M.), Otto Jespersen (1860-1943 M.), Renward Brandstetter (1860-1942 M.), J.L.A. Brandes (1857-1905 M.), Zelling S. Haris, Benjamin Lee Whorf, (1897-1941 M.), Kenneth L. Pike, J.R. Firth (1890-1960 M.), Noam Chomsky, Johua A. Fishman, M.A.K. Halliday, John Lyons, C.F. Hockett, Dell H. Hymes dan beberapa banyak ahli bahasa yang lain.

### **Kajian Terhadap Bidang-bidang Bahasa**

Oleh sebab kajian begitu banyak dilakukan terhadap pelbagai aspek tentang bahasa oleh ahli-ahli bahasa seperti yang tersenarai namanya di atas, maka tidak hairanlah kalau timbul pelbagai penemuan baru dan lapangan baru dalam bidang bahasa. Antara bidang-

bidang yang dikaji ialah fonetik dan fonologi, morfem dan morfologi, sintaksis, semantik dan lain-lain. Dengan itu timbul pelbagai ilmu yang menjurus ke dalam bidang-bidang yang lebih sempit tetapi mendalam tentang bahasa dan cabang-cabang ilmu lain yang berkaitan dengan ilmu bahasa seperti linguistik (am), antropinguistik, linguistik terapan, falsafah bahasa, psikolinguistik, retorik, sosiolinguistik, sosiologi bahasa, psikologi (am), psikologi pembangunan, psikologi pendidikan, psikologi pembelajaran, psikologi persepsi, psikometrik, psikopatologi, psikologi sosial, Ilmu Sains Komunikasi, fonetik dan fonologi, patologi pertuturan, fisiologi pertuturan, patologi pendengaran, psikoakustik, neurolinguistik, etnolinguistik, dan lain-lain (Wojowasito, 1976:1). Senarai ilmu ini berkembang terus bukan sahaja daripada penemuan-penemuan yang lebih baru tetapi juga tentang pemantapan ilmu-ilmu yang telah sedia ada selain ini seperti linguistik bandingan, linguistik sejarah, filologi, leksitostatistik, semantik, dialektologi, perancangan bahasa, bilingualisme, semiotik, hukum bunyi, fonemik, ortografi, mikrolinguistik, makrolinguistik, makrososiolinguistik, mikrososiolinguistik, leksikon, keluarga bahasa, sistem panggilan, sistem bahasa, sosiolek, dialek, kronolek, bahasa buatan, pijin, kreol, Koine, pencemaran bahasa, peminjaman bahasa, diglosia, ungkapan bahasa, etimologi, eufemisme, penyebaran bahasa, pengajaran bahasa seterusnya yang lain-lain (Collinge, 1990 dan David Crystal, 1988). Setiap jenis bidang masih memecah kepada beberapa cabang atau ranting ilmu yang lain. Kadang-kadang timbul pelbagai jenis, teori dan pendekatan bahasa yang berlainan. Contohnya untuk tatabahasa (grammar) sahaja terdapat pelbagai teori, pendekatan, pemerian dan jenis-jenis tatabahasa seperti tatabahasa aplikatif (applicative grammar), tatabahasa bebas-konteks (context-free grammar), tatabahasa kesandaran (dependency grammar), tatabahasa pemerian (descriptive grammar), tatabahasa formal (formal grammar), tatabahasa generatif (generative grammar), tatabahasa sejarawi (historical grammar), tatabahasa kategorial (categorical grammar), tatabahasa makna-struktur (meaning structure grammar), tatabahasa Montague (Montague grammar), tatabahasa pedagogi (pedagogical grammar), tatabahasa terbatas konteks (context-restricted grammar), tatabahasa relasional (relational grammar), tatabahasa semesta (universal grammar), tatabahasa sistemik (systemic grammar), tatabahasa skala dan kategori (scale-and-category grammar), tatabahasa spekulatif (speculative grammar), tatabahasa struktur konstituen (constituent structure grammar), tatabahasa tagmemik (tagmemic grammar), tatabahasa saintifik (scientific grammar), tatabahasa terhad (finite-state grammar), tatabahasa

tradisional (traditional grammar), tatabahasa transformasi (transformational grammar), tatabahasa transformasi generatif (transformational generative grammar) dan lain-lain lagi (Harimurti Kridalaksana, 1982). Oleh sebab rencamnya bidang ilmu bahasa serta menjamurnya teori-teori tentang pecahan ilmu-ilmu bahasa, maka turut berkembang juga kata-kata istilah khusus dalam ilmu bahasa. Kata-kata istilah ini bertambah pada setiap masa sesuai dengan perkembangan ilmu bahasa itu sendiri. Istilah-istilah ini telah banyak yang dibukukan sama ada dalam kamus ataupun dalam ensiklopedia bahasa. Selain itu ada juga yang masih dalam buku-buku ilmu bahasa kerana belum sempat dimaktubkan dalam kamus atau ensiklopedia bahasa.

## **Kesimpulan**

Daripada maklumat dan perbahasan, yang dipaparkan di atas jelas bahawa ilmu bahasa (yang bermula dari Zaman Panini di India, iaitu pada tarikh sebelum Tahun Masihi) telah berkembang dari satu tahap ke satu tahap sehingga ke zaman moden ini. Akhirnya pada zaman ini timbul pelbagai cabang dan ranting ilmu bahasa. Setiap cabang dan ranting ilmu bahasa tadi didukung oleh para pengkaji bahasa yang jumlahnya biasanya lebih besar daripada jumlah cabang dan ranting ilmu bahasa itu sendiri. Selain itu terdapat pelbagai teori bahasa, buku-buku asas yang membicarakan teori-teori tersebut dan lain-lain lagi. Demikianlah serba sedikit tentang perkembangan ilmu bahasa yang dilihat dari segi sejarah.

## **Bibliografi**

*Al-Qur'an dan Terjemahannya* (1977), Departemen Agama Republik Indoneis, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Amat Juhari Moain (1989) *Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sociolinguistik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Collinge, N.E. (1990) *An Encyclopedia of Language*, London - New York: Routledge.
- Crystal, David (1988) *The Cambridge Encyclopedia of Language*, Cambridge-Sydney: Cambridge University Press.
- Harimurti Karidalaksana (1982) *Kamus Linguistik.*, Jakarta: Gramedia.
- Hockett, C.F. (1979) *A Course in Modern Linguistics*, New Delhi-Calcutta: Oxford & IBH Publishing Co.
- Jespersen, Otto (1964) *Language*, New York: The Norton Library.
- Lyons, John (1984) *Language and Linguistics*, London-Sydney: Cambridge University Press.
- Sampson, Geoffery (1985) *Schools of Linguistics*, London-Johannesburg: Hutchinson.
- Smith, Neil & Deirdre Wilson (1979) *Modern Linguistics*, Sussex: Harvester Press.
- Stork, E. C. & J. D. A. Widdowson (1983) *Learning About Linguistics*, London-Johannesbury: Hutchinson.
- Wajowaito, S (1965) *Linguistik*, Jakarta: Gunung Agung.
- Wajowasito, S (1976) *Perkembangan Ilmu Bahasa*, Bandung Shinta Dharma.